



مجلس باندراي ملاك برسجاره  
**MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH**  
**BANDARAYA WARISAN DUNIA**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan** serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan masih dibenarkan membuat sebutharga pada masa ini dan **tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan** semasa tarikh tutup sebutharga bagi kerja-kerja berkaitan:-

| BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA   | SYARAT PENDAFTARAN   | HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL   | TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT   | TARIKH & TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP   |
|---|--|---|--|---|
| <b>MBMB/SH/2023/21</b><br><br><b>KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG LAMPU WARNA (LED COLOR BULB) SERTA YANG BERKAITAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH</b><br><br>Tarikh Kelulusan :<br><b>03/03/2023</b><br><br>No. Fail Jabatan :<br><b>MBMB/JK/00021/73/305</b> | <b>LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA</b><br><br>Gred G3 (Seluruh Negeri Melaka) ; atau<br><br>Gred G4 ; atau<br><br>Gred G5 ; atau<br><br>Gred G6 ; atau<br><br>Gred G7<br><br>Kategori<br>ME<br><br>Pengkhususan<br>E04 & E11 | <b>HARGA</b><br><br><b>RM50.00</b><br>* Tidak akan dikembalikan<br><br><b>TARIKH</b><br><br><b>3 Mac 2023 (Jumaat) sehingga 13 Mac 2023 (Isnin)</b> | <b>TIADA</b><br><br>*(Penyebut harga diminta melihat sendiri keadaan tapak bagi proses mengisi harga dan segalanya adalah atas tanggung jawab sendiri) | <b>TARIKH</b><br><br><b>13 Mac 2023 (Isnin) pada jam 12.00 tengahari</b><br><br>Serahan tangan :<br>Peti Tawaran,<br>Lobi Jabatan Kewangan,<br>Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.<br><br>-----<br><br>Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier :<br>Bahagian Perolehan,<br>Jabatan Kewangan,<br>Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka. |

Naskah sebutharga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>. Sebutharga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen sebutharga yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebutharga secara dalam talian dengan harga RM10.00 bermula pada **3 Mac 2023 (Jumaat) sehingga 13 Mac 2023 (Isnin)**.

Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kewangan)**. Jika sebutharga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,  
**DATUK BANDAR**  
**Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah**  
sk : Datuk Bandar  
Setiausaha Bandaraya  
PK  
Ketua Audit Dalam